

## **APLIKASI AYAT HUKUM DALAM PENGHAKIMAN KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN: KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR**

**The Application of the Quranic Legal Verses in the  
Judgement of the Dissolution of Marriages: A Study at  
the Selangor Shariah Court**

**Fadhluzaman Abdul Ghani<sup>1</sup>  
Raihanah Abdullah<sup>2</sup>**

### **ABSTRACT**

*Āyat Ḥukm or the Quranic Legal Verses is one of the most important components in the implementation of Shariah Judicial Procedure in Malaysia. As to date, Āyat Ḥukm is fully applied as the strongest or highest source of argument in the Shariah Judicial Procedure, which includes various stages starting from the prosecution, defence and lastly decision stage. In order to preserve its authenticity, the application of Āyat Ḥukm requires an accurate interpretation on every single Quranic word or term. This method can be found in ‘Ilm Tafsīr i.e the knowledge which explains the interpretation of the Quranic verse itself, how the*

---

<sup>1</sup> Master Candidate, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, zamania76@yahoo.com

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, raihanah@um.edu.my

*hukm is deduced from such verse as well as the wisdom behind the hukm. Reliance and complete references towards tafsīr of al-Qur'ān in issuing hukm and enacting the Islamic Family Law will deliver good judgement based on solid interpretation of Āyat Hukm. This study is carried out to identify the position, application and interpretation of Āyat Hukm in Shariah Court in deciding hukm. This study may serve as important references to the committee or any legal institutions and Non-Government Organisation (NGO) specially involved in updating judgement and requirement of technical law in Islamic family matters. Also it is in the interest of Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) to explain the strength of authority of hukm in decision making of any dispute settlements. This study focused on the position of Āyat Hukm in the court judgment in relation to ulama' explanation regarding hukm of dissolution of marriage. An effort was made to collect data from Selangor Shariah Court on cases of ṭalāq, ta'liq, faskh and khul' and other cases in Selangor as reported in filing case and Jurnal Hukum.*

**Keywords:** *Islamic family law, divorce, Shariah judicial*

## PENGENALAN

Cara hidup umat Islam dalam konteks kehidupan beragama diatur sepenuhnya oleh sumber utama yang dibawa oleh Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Untuk mendalami kedua-duanya, ia amat memerlukan daya intelektual yang cukup tinggi dalam memahami tafsiran ayat disebabkan ketinggian al-Quran itu sendiri yang disebutkan sebagai mukjizat. Salah satu asas kehidupan penting yang memerlukan kepada tafsir ialah undang-undang keluarga Islam yang digubal berasaskan kepada pemahaman terhadap al Quran melalui metodologi, prosedur dan peraturan seperti *asbāb nuzūl, qawā'id uṣūliyyah lughawiyyah, nāsikh* dan *mansūkh* dan sebagainya. Sandaran dan rujukan sepenuhnya terhadap tafsiran al-Quran dalam mengeluarkan hukum serta menggubal undang-undang kekeluargaan Islam akan menghasilkan penghakiman yang mantap yang berhujahkan kepada tafsiran ayat hukum yang jelas.

Dalam soal perlaksanaan dan pentafsiran undang-undang di Mahkamah-Mahkamah Syariah, tugas hakim adalah sama dengan hakim Mahkamah Sivil iaitu melaksanakan dan mentafsirkan undang-undang yang dibawa kepadanya.

Apa yang membezakan antara kedua-dua sistem ini ialah jika terdapat kecaburan pada perkataan undang-undang atau ayat yang tidak jelas maksudnya, maka Hakim Mahkamah Syariah harus mencari tafsiran yang jelas iaitu tafsiran yang dibuat oleh pembuat undang-undang itu sendiri iaitu Allah SWT melalui tafsiran atau pemahaman tafsiran ayat hukum. Perbincangan artikel ini amat wajar dimulakan dengan sorotan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah bin Abu Bakar yang dibuat di Mahkamah-Mahkamah Syariah Pahang, Terengganu, Kelantan, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan beberapa buah negeri lain pada tahun 1982 dan 1983 yang telah merumuskan beberapa kelemahan iaitu kebanyakan kes tidak mempunyai rujukan al-Quran dan al-Sunnah dan tidak pula mempunyai rujukan kepada kitab-kitab fiqh yang muktamad dan kepada kaedah-kaedah fiqh yang terdapat dalam perundangan Islam.<sup>3</sup> Menurut beliau lagi, terdapat amalan penghakiman yang hanya membuat keputusan berdasarkan rujukan kepada teknikal undang-undang sahaja tanpa merujuk kepada sumber yang muktamad iaitu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>4</sup> Kelemahan yang disebutkan ini telah diperhalusi dan diperbaiki dari masa ke semasa yang melibatkan alasan penghakiman khususnya penggunaan ayat al-Quran, hadis dan petikan-petikan kitab tafsir dan fiqh, namun masih terdapat kekurangan yang melibatkan penyediaan nas al-Quran dan tafsirannya dalam alasan penghakiman.

Oleh itu, perbincangan ini telah merumuskan beberapa masalah yang menjadi tumpuan dalam kajian ini iaitu wujudnya penghujahan dalam penghakiman syar'ie yang lemah dan longgar disebabkan kaedah penggunaan ayat dalam penghakiman yang tidak mengikut spesifikasi penggunaan ayat yang sebenar dalam penghakiman tersebut. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah kedudukan dan autoriti nas-nas al-Quran yang digunakan dalam teks penghakiman tersebut serta apakah kaedah tafsiran nas yang digunakan dalam menghasilkan penghakiman. Secara umumnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kedudukan dan penggunaan ayat hukum dan tafsirannya di Mahkamah Syariah dalam memutuskan hukum.

## **KEPELBAGAIAN METODOLOGI TAFSIR DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGHAKIMAN**

Sumber utama yang menjadi rujukan utama para sahabat pada zaman Rasulullah SAW ialah ayat al-Quran itu sendiri kerana sekiranya terdapat ayat yang

<sup>3</sup> Abdullah Abu Bakar, ‘Pentadbiran Keadilan,’ *Jurnal Hukum IV/II* (April 1984): 176.

<sup>4</sup> Abdullah Abu Bakar, ‘Pentadbiran Keadilan,’ 179.

membawa hukum yang memerlukan penjelasan, maka ayat itu akan dijelaskan oleh ayat yang lain. Al-Sunnah menjadi sumber tafsiran kedua bertindak sebagai pentafsirnya diikuti ijihad sahabat sebagai sumber yang ketiga dalam tafsir berasaskan kepada kefahaman mereka terhadap aspek bahasa al-Quran dalam bahasa arab iaitu bahasa mereka sendiri. Tafsir yang lahir dari ijihad sahabat ini disandarkan kepada Rasulullah SAW khususnya yang melibatkan sebab penurunan (*asbāb al-nuzūl*).

Setelah berakhirnya zaman sahabat, telah lahir usaha untuk mendisiplinkan ilmu tafsir di zaman *tābi’īn* setelah mempelajari keperluannya di zaman sahabat. Usaha ini diasaskan di tiga kota utama dalam pengajaran al-Quran yang melahirkan pelbagai madrasah atau mazhab tersendiri iaitu Mekkah dengan *Madrasah Ibn ‘Abbās*, Madinah dengan *Madrasah Ubay bin Ka’ab*, dan Iraq dengan *Madrasah Ibn Mas’ūd*<sup>5</sup> pada ketika tafsir masih lagi dikelaskan dalam perbahasan hadis. Hanya semasa berlakunya pengumpulan hadis, tafsir telah dipisahkan daripada perbahasan hadis hingga membawa kepada berleluasanya penggunaan ijihad yang digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah semasa seiring dengan perkembangan ilmu pada zaman ‘Abbāsiyyah. Maka atas tuntutan inilah lahirnya kaedah tafsir yang dikenali sebagai *tafsīr bi al-ra’y* yang mengembangkan ijihad dan seterusnya melahirkan tafsir yang lain seperti *tafsīr ishārah* dalam ilmu tasawuf di samping mengekalkan dominasi *tafsīr bi al-Ma’thūr* sebagai kaedah utama dalam tafsir. Kaedah yang berpegang kepada riwayat yang sahini menggunakan pendekatan mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, al-Hadith, riwayat sahabat (*athār*) dan *tābi’īn* kerana mereka biasanya menerima perkara tersebut daripada sahabat.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, ada di kalangan ulama yang tidak menerima tafsiran *tābi’īn* sebagai *tafsīr bi al-ma’thūr*.<sup>7</sup>

Contoh perbezaan yang terawal selepas kewafatan Rasul dalam *Aḥkām Syar’iyyah* ialah kes ‘iddah perempuan hamil yang kematian suami, iaitu berapa lama tempoh ber‘iddah perempuan itu dengan kelahiran sama ada empat bulan sepuluh hari atau tempoh yang paling lama antara kedua-duanya. Ini adalah perbezaan yang berlaku pada peringkat awal *ikhtilāf fiqhī* dalam memahami ayat-ayat hukum.<sup>8</sup> Selepas perkembangan Islam dan di zaman ulama ‘empat mazhab fuqaha’, setiap daripada Imam-Imam mazhab tersebut

<sup>5</sup> Manna’ Qaṭṭhān, *Mabāḥith fī Ulūm al-Qur’ān* vol. 1 (Mansyūrat al-‘Aṣru al-Hadis, 1973), 338.

<sup>6</sup> Manna’ Qaṭṭhān, *Mabāḥith fī Ulūm al-Qur’ān*, 347.

<sup>7</sup> Muḥammad Ḥassan Sabtān, *Sirāj al-Tālibīn Fī Manāhij al-Mufassirīn* (Qāhirah: Jāmiyat al-Azhār, 1997), 40.

<sup>8</sup> Manna’ Qaṭṭhān, *Mabāḥith fī Ulūm al-Qur’ān*, 376.

mengambil pendekatan *istinbāt* hukum yang berbeza dalam mazhab mereka. Maka lahirlah *tafsīr fiqhī* yang khusus bagi ayat-ayat hukum dan kadang-kadang berlaku ketaksuhan yang ketara dalam tafsiran dan ada juga yang tidak terlalu taksub. Dalam al-Quran al-Karim terdapat ayat-ayat yang mengandungi hukum-hukum fiqh yang dibezakan oleh para fuqaha' dan ditafsirkan dalam tulisan yang khusus yang dikenali sebagai *Aḥkām al-Qur’ān*. Kitab-kitab ini sebenarnya terlalu lewat jika dibandingkan dengan dibandingkan dengan penulisan mazhab-mazhab fiqh. Kitab pertama yang ditulis dan diklasifikasikan sebagai kitab tafsir ayat hukum ialah *Aḥkām al-Qur’ān* yang dihasilkan oleh Syeikh Abī al-Husayn Alī Ibn Ḥajar al-Sa’diy (wafat 244 H).<sup>9</sup>

Kitab seterusnya adalah mengenai penulisan tafsir yang membahaskan pandangan ulama' mazhab dalam mengeluarkan hukum daripada sesuatu ayat. Dan akhirnya wujud ahli tafsir di kalangan fuqaha' mazhab yang mengasaskan satu *manhāj* yang khusus dalam tafsir. Contoh yang dapat kita lihat ialah *Aḥkām al-Qur’ān* yang ditulis oleh al-Jaṣḥās yang cenderung kepada mazhab Hanafī, *Aḥkām al-Qur’ān* yang ditulis oleh Ibn ‘Arabī pula lebih dikenali sebagai tafsir dalam mazhab Imam Mālik. Begitu juga kitab kitab *Aḥkām al-Qur’ān* yang ditulis oleh Harrāsi yang memilih pandangan fuqaha' Shāfi‘ī dalam tafsirannya.<sup>10</sup>

## **HAKIM SEBAGAI PENTAFSIR AYAT HUKUM DALAM PENGHAKIMAN SYARIAH**

Hakim yang memutuskan sesuatu hukuman dalam penghakiman syariah seharusnya memenuhi syarat tertentu sebagaimana syarat kelayakan pentafsir jika dilihat kepada tanggungjawab yang dilaksanakan. Namun mungkin syarat ini boleh dijadikan panduan dalam kriteria pemilihan hakim walaupun syarat ini dibahaskan dalam etika tafsir. *Tafsīr bi al-Ma’thūr* meletakkan beberapa syarat; antaranya mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai ilmu sunnah *riwāyah* dan *dirāyah*, mengetahui sunnah yang berkaitan dengan tafsir, kata-kata sahabat, *tābi’īn* dan imam-imam mujtahid, berkemampuan mengumpul dan menserasikan riwayat-riwayat yang bercanggah, mengetahui hakikat perselisihan tafsir dan sebab-sebabnya, mengetahui tentang *asbāb al-nuzūl* dan ilmu *nāsikh mansūkh* untuk membantu dalam memahami nas, memetik pendapat yang sepakat sahaja dan tidak memetik pendapat yang *gharīb* serta

<sup>9</sup> Al-Kiyā Harrāsi, Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī Ibn Muḥammad bin ‘Alī al-Ṭabarī, *Aḥkām al-Qur’ān* vol. 1-2 (cet. ke-2) (Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1985), 1.

<sup>10</sup> Al-Kiyā Harrāsi, *Aḥkām al-Qur’ān*, 1.

tidak bersandar kepada riwayat-riwayat *isra'iliyyāt*.<sup>11</sup> Kemahiran-kemahiran menelaah mazhab seperti *mentarjīh*, *mentahqīq* dan sebagainya adalah kemahiran ulama' mujtahid yang amat diperlukan dalam menyempurnakan maksud penghakiman. Kelayakan ini memang sukar dipenuhi tetapi meneladani sebahagiannya mampu menyucikan seseorang hakim dari penghakiman yang zalim.

*Tafsīr bi al-ra'y* adalah satu metod yang diterima pakai di kalangan kebanyakan *mufassir* walaupun wujud perbezaan pandangan terhadap status dan autoriti kaedah tersebut. *Al-Zahābī* mentakrifkan *tafsīr bi al-ra'y* sebagai tafsir yang menurut pendapat seorang ahli tafsir dengan membuat ijtihadnya sendiri, di samping mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab.<sup>12</sup> Ini bermakna ijtihad dan pendapat merupakan sumber yang penting dalam *tafsīr bi al-ra'y* kerana sumber-sumber *ma'thūr* daripada Rasulullah SAW para sahabat dan juga tabi'in adalah terhad. Ekoran daripada itu para *mufassir* khususnya selepas zaman Rasulullah SAW sehingga zaman *tābi'īn* kembali kepada ijtihad dan pendapat peribadi apabila tidak menemui maklumat yang asli daripada Rasulullah SAW para sahabat dan juga *tābi'īn*.<sup>13</sup> Tokoh yang dianggap paling awal menggunakan kaedah ialah Ibn Jarīr al-Tabārī (*m.310H*).<sup>14</sup>

Walau bagaimanapun, dalam penghakiman hari ini secara umumnya hakim sebenarnya tidak mampu mewakili pentafsir dari segala keperluannya atas dasar banyak keperluan teknikal tafsiran gagal dipenuhi. Yang mampu dilakukan ialah menggunakan pendapat-pendapat ulama' tafsir serta hujah-hujah ulama' tersebut.

## **TAFSIRAN STATUT DAN PENGARUH AYAT HUKUM TERHADAPNYA**

Statut adalah peruntukan undang-undang yang melalui proses penilaian dan penambahbaikan ditulis dalam bentuk yang pelbagai. Sebahagiannya umum dan tiada perincian, sebahagiannya bersifat acara dan sebahagian yang lain bersifat hukum. Fiqh pula merupakan perkara *fūrū'* yang mempunyai nilai perkembangan yang amat luas dan fleksibel. Ia sentiasa mencetuskan hukum baru sesuai dengan perkembangannya. Teks undang-undang atau enakmen hanya mewakili sebahagian daripada fiqh manakala perkembangannya adalah

<sup>11</sup> Al-Kiyā Harrāsi, *Aḥkām al-Qur'ān*, 56.

<sup>12</sup> Al-Kiyā Harrāsi, *Aḥkām al-Qur'ān*, 353.

<sup>13</sup> Al-Kiyā Harrāsi, *Aḥkām al-Qur'ān*, 353.

<sup>14</sup> Al-Kiyā Harrāsi, *Aḥkām al-Qur'ān*, 102 dan 105.

diperbaharui dari masa ke semasa melalui prosedur tafsiran undang-undang. Keadaan teks yang umum memerlukan penjelasan fiqh yang terperinci kerana teks dan fiqh mempunyai persamaan dari segi sifatnya yang praktikal. Fiqh inilah yang menuntut ijtihad hakim. Kelemahan teks undang-undang ini akan menyebabkan wujud pelbagai tafsiran yang mungkin tiada sandaran sedangkan tafsirannya perlulah dihujahkan kepada nas yang muktamad iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Undang-undang yang diluluskan di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri adalah sesuatu yang digubal oleh manusia yang biasanya memerlukan kepada penjelasan makna dan tujuannya yang sememangnya hanya difahami secara tepat oleh penggubalnya. Namun tugas mentafsir undang-undang ini telah diletakkan kepada mahkamah dan hakim Mahkamah Tinggi. Dalam hal pentafsiran ini, ia masih tertakluk kepada prinsip duluan mengikat (*binding precedent*) iaitu jika telah ada pentafsiran dibuat oleh mahkamah, maka pentafsiran itu akan mengikat mahkamah yang berikutnya. Jika pengertian undang-undang itu tidak jelas, maka mahkamah akan cuba mendapat penjelasan dengan cara bertanya pihak yang membuatnya iaitu Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Namun ia agak sukar dan kadang-kadang wujud keraguan dan kesamaran di kalangan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri tentang sesuatu undang-undang. Oleh itu, Mahkamah Tinggi Malaysia telah menetapkan beberapa cara atau pendekatan yang diamalkan oleh mahkamah-mahkamah di England. Di antara pendekatan tafsiran undang-undang atau cara yang diamalkan oleh Mahkamah Tinggi ialah Pendekatan Mengikut Kaedah Harafiah (*Literal Approach*), Pendekatan Kaedah Keemasan (*The Golden Rule Approach*) dan Pendekatan Kaedah Kemudharatan (*Mischief Rule Approach*).<sup>15</sup> Hakim Besar Tindal ketika membicarakan kes *Warburton lawan Loveland*<sup>16</sup> menegaskan bahawa perlunya bahasa akta yang nyata dan terang untuk memberi kesan dalam pelaksanaannya. Majlis Privy (*Privy Council*) dalam kes *Commissioner of Stamp for Strait Settlement lawan Ooi Tjing Swan*<sup>17</sup> juga menegaskan keperluan yang sama iaitu pemeriksaan perkataan Ordinan itu sendiri.

<sup>15</sup> Glanville Williams, *Mempelajari Undang-undang* (cet. 1) terj. Johan Shamsuddin Sabarudin, Talat Mahmud (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1990), 119, 120, 121, 126.

<sup>16</sup> Ghazali Hj. Abd. Wahab, Jafril Khalil, Mohd Nasran Mohamad, *Isu Syariah dan Undang-undang* (Bangi: UKM, 1996), 100.

<sup>17</sup> Ghazali Hj. Abd. Wahab, Jafril Khalil, Mohd Nasran Mohamad, *Isu Syariah dan Undang-undang*, 100.

## TAFSIRAN UNDANG-UNDANG DALAM PENGHAKIMAN ISLAM

Dalam soal perlaksanaan dan pentafsiran undang-undang ini di Mahkamah Syariah, jika terdapat perkataan atau ayat yang kabur atau yang tidak terang maksudnya, maka mereka harus mencari tafsiran yang jelas iaitu tafsiran yang dibuat oleh pembuat undang-undang itu sendiri iaitu Allah SWT, seterusnya al-Sunnah dan selepasnya sahabat Nabi. Antara sahabat Nabi SAW yang teragung ialah khalifah yang keempat, Zayd bin Thābit, ‘Abd Allāh Ibn ‘Abbās, ‘Abd Allāh Mas’ūd dan ‘Abd Allāh Ibn Amrū r.a. kerana mempunyai keistimewaan seperti menghafaz al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya tidak terdapat tafsiran daripada sahabat, maka rujukan hendaklah kepada tafsiran yang dibuat oleh golongan ulama *tābi‘īn* yang sentiasa berdamping dengan sahabat yang bertugas sebagai ahli fatwa dan hukum. Para ulama telah menetapkan kaedah umum tafsiran statut iaitu dengan kaedah *manṭiq (Zāhir al-Qur‘ān)* iaitu berasaskan kefahaman makna perkataan yang zahir daripada sesuatu ayat hukum sehingga wujudnya ayat yang sahih yang mentakhṣis kan atau mentakwilkan atau memansuhkan berpandukan kepada prinsip bahawa pada asal sesuatu amalan adalah berasaskan makna perkataan atau ayat yang zahir kecuali jika dapat dibuktikan wujudnya makna yang lain daripada itu.<sup>18</sup> Tafsiran mengikut perkataan ini boleh dibuat berdasarkan kepada *dilālah zāhir*, *dilālah naṣ*, *dilālah al-zāhir* atau *dilālah muḥkam*.

Pendekatan kedua ialah penggunaan kaedah *ta’wil/mafhūm* iaitu bersandarkan kepada hakikat bahawa erti perkataan ini kekadang tidak mencapai maksud yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya dan memerlukan formula yang lain seperti mengenalpasti maksud yang lain dengan memindahkan daripada makna *haqīqat* kepada makna *majāz* atau daripada *mubayyan* kepada *qarīnah* (tanda-tanda) yang menunjukkan kepada makna tertentu sekiranya ada dalil yang menunjukkan kepada *majāz*, *takhṣis*, *taqyīd* atau *mubayyan*.<sup>19</sup> Menjadi kewajipan para mujtahid berijtihad dan mencari makna yang dikehendaki oleh pihak yang membuat undang-undang sehingga dapat diamalkan dengan maknanya. Jika tidak dapat dipastikan salah satu daripadanya, maka manusia (orang awam) ditinggalkan dalam keadaan kabur dan ini bertentangan dengan tujuan undang-undang itu disyariatkan.

Dalam perundangan Islam, seorang hakim di Mahkamah Syariah bukan sahaja perlu merujuk kepada undang-undang bertulis tempatan tetapi perlu

<sup>18</sup> Ghazali Hj. Abd. Wahab, Jafril Khalil, Mohd Nasran Mohamad, *Isu Syariah dan Undang-undang*, 103.

<sup>19</sup> Ghazali Hj. Abd. Wahab, Jafril Khalil, Mohd Nasran Mohamad, *Isu Syariah dan Undang-undang*, 104.

juga merujuk kepada Hukum Syara' yang mediumnya adalah al-Quran dan al-Sunnah. Imām al-Shāfi'ī menyatakan pendiriannya tentang perkara ini bahawa tidak seorang pun boleh mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara dengan mengatakan halal atau haramnya kecuali ia berdasarkan landasan ilmu yang bersumber pada al-Quran, al-Sunnah atau *ijmā'* dan *qiyās*.

## **PENGHAKIMAN IMAM AL-SHĀFI'Ī SEBAGAI MODEL APLIKASI AYAT HUKUM TERBAIK DALAM PENGHAKIMAN SYARIAH**

Walaupun metod penghakiman dalam Islam tidak disenaraikan dalam kedudukan yang muktamad dan diterima pakai semua, pendekatan mereka secara prinsipnya sama. Perincian yang menyentuh sandaran dan sumber nas dan cara tafsiran sahaja yang berbeza. Jelas difahami bahawa mereka tidak bercanggah dalam menyusun keutamaan sumber rujukan utama dalam penghakiman. Satu contoh yang sangat baik ialah cara Imam Shāfi'ī sendiri membuat hujah dan pendapat beliau seperti yang terdapat dalam kitab *al-Umm*. Beliau mendahulukan mencari dan mengenalpasti ayat al-Quran yang berkenaan sebelum mencari sunnah Rasulullah dan *athār Khulafa'* Rashidin yang berkenaan sebagai pentafsir nas tersebut. Selepas kedua-dua sumber muktamad ini digandingkan, sebarang keperluan pentafsiran yang lain adalah melalui penelitian Bahasa Arab yang digunakan untuk memahami teks al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip usul fiqh digunakan dalam penghakiman pada kedudukan bertujuan menguatkan hukum selepas tiga sumber di atas dibahaskan. Selepas itu beliau memberi peluang penggunaan akal dalam membahaskan hukum tersebut dengan kawalan dan garis panduan agar ia tidak dipengaruhi hawa nafsu serta mengikut kaedah hukum.

## **APLIKASI AYAT HUKUM DALAM PENGHAKIMAN: ANALISIS KEDUDUKAN DAN PERANAN**

Kajian ini meneliti alasan penghakiman dalam kes-kes yang menjadi sasaran penting dalam sistem kekeluargaan Islam berdasarkan kepada perangkaan yang dibincangkan sebelum ini iaitu kes-kes pembubaran perkahwinan mencatatkan yang tertinggi dalam kes-kes mal yang dibicarakan di Selangor. Atas dasar itu, sebanyak 30 kes yang dipilih mengikut kes-kes popular yang berlaku serta menjadi perbincangan kritikal dalam masyarakat. Hasil dari analisis terhadap semua kes tersebut, pengkaji berjaya mendetailkan beberapa aplikasi ayat hukum dalam penghakiman tersebut kepada empat aplikasi terpenting menurut kedudukannya iaitu manfaat ayat dalam penghakiman, kedudukan ayat berbanding sumber penghakiman yang lain, ayat dan penggunaan

metodologinya dalam kegunaan tersebut serta peranan ayat dalam penggunaan secara bersama dengan sumber lain. Perincian semua elemen tersebut dapat dijelaskan sebagaimana perbincangan berikut:

### **1. Penggunaan Nas yang Membawa Bimbingan Moral atau Pengajaran Rohani**

Dalam memutuskan sesuatu keputusan penghakiman, seseorang hakim perlu mengetahui asas nas bagi hukum tersebut. Nas tersebut perlu mewakili hukum yang diputuskan secara tepat. Walaupun mungkin sukar untuk mengenalpasti nas al-Quran yang tepat bagi hukum tersebut sekurang-kurangnya nas al-Quran itu mewakili prinsip atau aturan hukum. Terdapat sesetengah keputusan penghakiman yang menjadikan ayat atau nas sebagai mewakili moral atau pengajaran rohani sebagai hujah pertama dalam keputusan mereka. Ia amat sesuai untuk memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang terlibat namun maksud dari sesuatu ayat hukum ialah mewakili hukum yang diputuskan. Jika ayat yang dibawa tidak mengandungi hukum, apatah lagi tafsirannya, adalah menjadi kesukaran untuk dikenalpasti kedudukannya untuk memastikan ia selaras dengan keputusan penghakiman. Penggunaan nas untuk pengajaran rohani ini banyak berlaku dalam keputusan penghakiman sedangkan hukum yang diputuskan ialah kesahan talaq atau fasakh atau lain-lain. Sebagai contoh dalam kes *Maznah bt Kassim lawan Othman bin Nordin*<sup>20</sup> kes tuntutan Fasakh di bawah seksyen 4 dan seksyen 52 (Fasakh) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 (pindaan 1988) dengan alasan suami tidak menuaikan nafkah batin, berlakunya *syiqāq* serta wujudnya penganiayaan secara tidak langsung kedua-dua pihak. Antara alasan yang dihujahkan untuk memfasakhkan perkahwinan ialah kegagalan suami menuaikan tanggungjawab perkahwinan dengan sepatutnya. Untuk memperkuatkan kenyataan ini ayat yang digunakan ialah daripada surah al-Nisā' ayat 19.

---

<sup>20</sup> Kes Mal Bil : 10007.014.22/2001

Jadual 1 : Penggunaan Ayat yang Menjelaskan tentang Bimbingan Moral.

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Nisā’ ayat 19.	<p style="text-align: center;">         وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفٍ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ          فَعَسَى أَن تَكْرَهُوْهُ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا     <b>كَثِيرًا</b> </p> <p>“..dan bergaulah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka janganlah kamu terburu-buru (menceraikan), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu sedang Allah hendak menjadikannya pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).”</p>	Kewajipan suami memuliakan isteri
Sayyid Sābiq, <i>Fiqh Sunnah</i> Juz. 2, 243. Ibn Hazm	‘..difardukan ke atas setiap lelaki untuk bersama (jimak) dengan isterinya dan sekurang-kurangnya berbuat demikian sekali dalam tempoh sekali suci jika mampu. Dan Jumhur Ulamak juga berpendapat sama seperti pendapat ini yang menjadi kewajipan suami apabila tiada keuzuran.’	Galakan melakukan jima’

Berdasarkan surah al-Baqarah ayat 222:



“...kemudian apabila mereka telah bersuci maka datanglah mereka menurut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu...”

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Maznah bt Kassim lawan Othman bin Nordin* (2003) [2007] 3 ShLR, JAKESS.

Dihuraikan dalam ulasan ayat bahawa menjadi kewajipan suami memuliakan isteri dan meletakkan mereka pada kedudukannya serta tidak menyakitinya dengan perkataan yang keji serta mengadakan hubungan kelamin yang sah

yang diredhai Allah SWT. Tiada alasan untuk suami atau isteri untuk menafikan hak masing-masing dan ia perlu diteruskan selagi mampu dan tidak ada alasan-alasan syarie atau masalah kesihatan yang menghalangnya. Ayat ini merujuk kepada suami supaya tidak menceraikan isteri sewenang-wenang hanya kerana lahirnya benci serta anjuran supaya *mu ‘āsharah* isteri dengan cara yang baik. Manakala hukum yang diputuskan dalam kes ini adalah fasakh yang memerlukan huraian ayat tentang kegagalan nafkah yang boleh menjelaskan keputusan tersebut. Dalam penjelasan kedua, hakim merujuk kepada kitab *Sayyid Sābiq, Fiqh Sunnah* dipetik berdasarkan surah al-Baqarah ayat 222. Jika dilihat kepada petikan kitab ini ia benar untuk dijadikan asas sandaran hujah, namun ia tidak mewakili tafsiran ayat yang pertama yang dibincangkan tadi, ia juga tidak mewakili hukum yang diputuskan dengan ayat kedua itu.

Keputusan penghakiman yang diputuskan oleh hakim ialah keputusan yang memberi implikasi praktikal terhadap amalan kehidupan manusia di dunia. Keputusan ini akan menyulankan tindakan yang perlu diambil segera oleh plaintif atau defendant dalam ruang hubungan sesama manusia. Ia bukan hanya melibatkan keputusan dosa dan pahala atau syurga dan neraka kerana semua keputusan itu adalah keputusan Allah SWT. Yang paling penting ialah jatuh atau tidak sesuatu talaq, berapa tempoh iddahnya, kesannya terhadap hubungan mereka suami isteri selepas itu dan sebagainya yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia. Tentang keputusan dosa dan pahala, ia perbincangan tauhid (*indhār* dan *tabsyīr*) yang memerlukan perbincangan panjang dan hasilnya terlalu subjektif. Kalaupun ia perlu dalam alasan penghakiman, ia hanya tambahan akhir dan bukan dijadikan ‘*illah*’ dan hujah keputusan.

## **2. Penggunaan Petikan Kitab Fiqh dalam Perkara atau Terma yang Bersifat Filosofikal, Definisional dan Konseptual**

Kebanyakan rujukan kitab fiqh yang digunakan dalam keputusan penghakiman banyak memetik perkara-perkara yang bersifat konsep dan falsafah seperti definisi sesuatu terminologi, perkataan, pembahagian jenis dan kategori dan sebagainya. Sedangkan keputusan yang dibuat ialah sesuatu yang bersifat isu *furu‘* yang mempunyai perbahasan fiqh tertentu. Jika ayat al-Quran terlalu umum atau *mujmāl*, petikan kitab fiqh ini selalunya berperanan menjelaskan ayat tersebut kerana kitab fiqh mewakili perkara-perkara *furu‘*.

Sebenarnya ada perbincangan ulama’ dalam kitab fiqh bagi sesetengah isu yang boleh dibawa berbincang beserta ayat dan hadisnya yang boleh

memantapkan keputusan. Dalam kes *Che Jefri bin Osman lawan Rahayu binti Mohd Ishak*,<sup>21</sup> permohonan pengesahan lafaz cerai di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah disebutkan pada penghakiman penentuan kesahan perceraian bahawa untuk menentukan sah atau tidak sesuatu perceraian itu sebagaimana yang telah dilafazkan oleh Plaintiff terhadap Defendant.

Perbincangan tentang falsafah, konsep, definisi, syarat, rukun dan jenis-jenisnya merupakan asas dan rujukan bagi memudahkan kajian dan kefahaman dalam sesuatu ilmu. Semua perkara ini tidak perlu *diistidlālkan* dalam penghakiman bahkan yang paling perlu *diistidlālkan* ialah alasan terhadap hukum yang diputuskan. Dalam kes ini, mahkamah merujuk kepada beberapa kitab antaranya sebagaimana dalam jadual di bawah:

**Jadual 2: Petikan Kitab dan Ayat yang digunakan yang  
Mewakili Perkara Konsep dan Definisi.**

<b>Sumber</b>	<b>Petikan</b>	<b>Perkara</b>
<i>Hāsyiah I'ānat Tālibin</i> Juz. 4	“..dan adapun rukun talaq itu ada lima, iaitu suami, lafaz yang digunakan, diqaṣadkan talaq, kepada siapa talaq itu ditujukan ataupun isteri dan talaq dijatuhkan dengan kekuasaan suami.”	Rukun Talaq
<i>Dār al-Fikr,</i> 1998, 3. <i>Matan Fath al-Muin</i>		
<i>Kifāyatul Akhyār;</i> Juz. 2	الطلاق ضربان، صريح وكتابية	Rukun Talaq yang kedua
<i>Dār al-Khayr,</i> 1994, 388.	“..talaq itu ada dua bahagian, iaitu yang nyata (soreh) dan yang sindiran (kināyah)..”	iaitu <i>al-sighah</i>

<sup>21</sup> Kes Mal Bil. : 10002-054-0049-2003

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Baqarah ayat 229  & Surah al-Ahzāb ayat 28	<p style="text-align: center;"> <b>الْطَّلَقُ مَرَّانٌ فِيمَاكُمْ مَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيجٌ</b>  <b>بِإِحْسَنٍ</b> </p> <p>“..Talaq (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu boleh ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang makruf (sepatutnya) atau melepaskan (menceraiakan) dengan cara yang baik.”</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p style="text-align: center;"> <b>يَتَأْمِنُهَا أَنْتَ قُلْ لَا رَوَاحَكَ إِنْ كُنْتَ شَرِدَنَكَ          الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَزِينَتُهَا فَنَعَلَيْكَ أَمْتَعَكَ          وَسَرِحَكَنَ سَرَحًا جَمِيلًا</b> </p>	Konsep Talaq dan Muta'ah
	<p>“..Wahai nabi (Muhammad SAW) katakanlah kepada isteri-isteri mu, jika kamu sekalian mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepadamu mut’ah dan aku lepaskan (cerai) kamu dengan cara yang baik.”</p>	

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Che Jefri bin Osman lawan Rahayu binti Mohd Ishak* (2005), dari fail JAKESS,  
Kes Mal Bil. : 10002-054-0049-2003.

Dalam kes ini, Plaintiff telah memenuhi rukun pertama iaitu suami yang sah, iaitu beragama Islam yang mukallaf dan aqil baligh. Mahkamah juga merujuk kitab *Kifayah al-Akhyār* dalam membicarakan rukun talaq yang kedua. Kelemahan yang agak ketara dalam penghakiman ini kerana ayat al-Quran diletakkan selepas perbahasan kitab fiqh serta perbincangannya yang hanya mewakili konsep talaq, perkara-perkara rukun talaq iaitu *sighah* serta konsep muta'ah melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 229 dan surah al-Ahzāb ayat 28. Manakala keputusan yang dibuat adalah perkara-

perkara yang melibatkan perkara *furu'* iaitu kesahan talaq dan bukannya perkara konseptual, definisional dan filosofikal.

### 3. Penggunaan Ayat, Hadis dan Petikan Kitab yang Bersifat Akademik

Terdapat perbezaan antara pernyataan yang bersifat keputusan dan arahan yang bersifat semasa dan pernyataan yang bersifat sejarah lampau atau akademik. Sesuatu keputusan yang dibuat oleh hakim dalam penghakimannya adalah hukum atau arahan semasa yang mempunyai kuasa penguatkuasaannya secara segera dan mempunyai hujah yang mewakili keputusan yang spesifik bagi keputusan tersebut. Dari sudut penggunaan nas, ia mesti menyediakan spesifikasi yang sama dengan keputusan tersebut memberi kesan semasa. Selain daripada itu, ia mungkin tidak memberi implikasi apa-apa yang boleh disifatkan sebagai akademik. Dalam kes *Suhaila bt Suliman @ Sulaiman dan Mohamed Redzuan b. Adam Shah*,<sup>22</sup> kes untuk mengesahkan perceraian di luar mahkamah dengan Defendan bagi tujuan mendaftarkannya di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2/2003. Mahkamah menyentuh isu tersebut dengan merujuk kepada nas-nas mengenai talaq yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith bahawa ia boleh mendidik semua pihak supaya tidak sewenang-wenangnya menjatuhkan talaq kepada isteri. Antara rujukan nas tersebut ialah sebagaimana jadual 3.

Jadual 3: Ayat yang Digunakan yang Bersifat Akademik.

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Baqarah ayat 229	<p style="text-align: center;">الْأَطْلَقُ مَرَّتَانِ فِيمَا كُنْ عِمَّارُوفٍ أَوْ نَسِيرٍ <i>يَإِحْسَنِ</i></p> <p>“..Talaq (yang boleh dirujuk) adalah dua kali. Maka kemudian dari itu hendaklah kamu pegang mereka dengan cara baik atau lepaskannya dengan cara yang baik.”</p>	Konsep Talaq

<sup>22</sup> Kes Saman No: 10005-054-0434-2010/10005-054-0435-20010

Sumber	Petikan	Perkara
<i>Kitab Tafsir Ibn 'Adil diriwayatkan bahawa Urwah b. al-Zubayr</i>	“..Manusia pada permulaan Islam menceraikan isteri-isteri mereka tanpa menghadkan dan membataskan bilangan talaq. Seseorang lelaki itu bila menceraikan isterinya dan apabila hampir habis iddah isterinya, ia meruju'nya kemudianya menceraikannya dan kemudian ruju' dan begitulah berterusan dengan maksud untuk memudararatkan isterinya.”	Sejarah Talaq
<i>Subul al-Salām, Juz. 3, 1072.</i>	أبغض الحلال إلى الله الطلاق “..Perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah adalah talaq.”	Pengajaran Hukum
	يأيها النبي إذا طللت قتم النساء فطللت قوهن لعدهن واحصوا العدة واتقوا الله ربكم لا تخرجوهن من بيوتهم ولا يخرجن إلا أن يأتين بفاحشة مبينة وتلك حدود الله ومن يتعد حدود الله فقد ظلم نفسه لا تدرى لعل الله يحدث بعد ذلك أمرا “..Wahai Nabi, apabila kamu mahu menceraikan isteri-isteri kamu maka ceraiakanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan eddahnya dan hitunglah masa iddah itu dengan betul serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu.”	Mesej Akademik

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Nisā’, ayat 19.	<p style="text-align: center;">         وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ          فَعَسَى أَن تَكْرُهُوْ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا   </p> <p>“..dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka janganlah kamu terburu-buru (menceraikan), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu sedang Allah hendak menjadikannya pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).”</p>	Motivasi galakan atau ancaman ( <i>tawjihāt/tabsyir</i> dan <i>indhār</i> )

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Suhaila bt Sulaiman @Sulaiman lawan Mohamed Redzuan b Adam Shah* (2010), dari fail JAKESS, Kes Saman No: 10005-054-0434-2010/10005-054-0435-20010.

Kenyataan di atas sesuai untuk dijadikan pengetahuan kepada suami isteri dalam mengenal sejarah perkahwinan dalam Islam. Ia adalah kenyataan yang bersifat akademik di mana keperluannya untuk sesuatu keputusan penghakiman adalah sedikit. Kadang-kadang ia tidak dihiraukan oleh suami dan isteri tentang kepentingannya. Dari segi keperluan terhadap penghakiman, ia juga tidak banyak membantu kepada implikasi hukum dan keputusan. Penggunaan nas seperti menggambarkan kemurkaan Allah SWT serta larangan cerai ketika haid atau suci yang disetubuhi sebagaimana ayat di bawah sesuai untuk menggerunkan pihak yang dibicara kerana ia membawa mesej akademik. Juga seruan umat Islam digesa supaya tidak terburu-buru menceraikan isteri sekalipun ia tersangat benci kepada isterinya. Kesemua ayat-ayat tersebut merupakan motivasi galakan atau ancaman (*tawjihāt*) untuk memberi pengetahuan dan didikan kepada pihak yang dibicara bahkan menjadi panduan semua sekalipun kepada yang tidak terlibat dengan kes ini. Namun keindahan hukum yang menyertakan pedoman dalam pensyariatan talaq ini wajar disebutkan oleh hakim dalam penghakimannya atas semangat dan roh hukum syarak. Atas dasar itu, pihak berkuasa menggubal undang-undang adalah untuk mengatur dan mentadbir urusan perceraian orang Islam secara lebih sistematik dengan menetapkan talaq mesti dilafazkan di hadapan

mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah. Kepentingan ayat ini tidak boleh dinafikan kedudukannya dalam teks penghakiman walaupun ia tidak membawa apa-apa manfaat fiqh amali dalam keputusan tersebut.

#### **4. Penggunaan Prinsip Duluan Mengikat (*Binding Precedent*) dalam Keputusan Penghakiman Berbanding Ayat**

Salah satu prinsip yang menjadi tradisi *common law* ialah memutuskan hukum berasaskan duluan mengikat (*binding precedent*). Pendekatan ini benar-benar meletakkan seseorang hakim begitu terikat kepada sesuatu keputusan lepas sehingga ia membataskan ijтиhad hakim. Adapun dalam undang-undang Syariah, ia diterima pakai sebagai rujukan hakim dalam memutuskan hukum. Rujukan bermaksud ia dijadikan sebagai panduan dalam penghakiman. Sekalipun mungkin ia tidak mengikat hakim kepada keputusan lepas, namun ia seakan meletakkan hakim dalam keadaan selesa untuk *bertaqlīd* kepada keputusan tersebut. Ini bermakna keputusan lepas merupakan ijтиhad hakim dahulu yang boleh diikut. Dalam fiqh Islam, *taqlīd* terhadap sesuatu hukum perlu mengambilira autoriti mujtahid yang memerlukan syarat-syarat yang ketat. Ia sama sekali tidak sama dengan kelayakan seorang hakim yang ada sekarang yang mungkin mewujudkan banyak keraguan pada personaliti mereka dan sebagainya. Ini bukan bermaksud ruang untuk berijtihad sudah tertutup dan bukan juga ia terbuka seluas-luasnya. Ia memerlukan hujah syarak dan alasan penghakiman yang konkret. Salah satu daripadanya ialah melalui pandangan ulama' tafsir melalui ayat yang dibincangkan. Dalam kes *Nor Faizah binti Abdul Samad dan Abu Bakar bin Abdul Ghaffar*<sup>23</sup> iaitu kes tuntutan pembubaran perkahwinan melalui fasakh oleh Plaintiff, suami hadir ke mahkamah dan menafikan dakwaan Plaintiff. Tuntutan balas suami memohon Plaintiff diisytiharkan *nusyūz* oleh Mahkamah. Untuk Mahkamah mendapatkan penjelasan berkaitan prinsip-prinsip asas dalam pembuktian kes-kes sebegini Mahkamah merujuk kepada kes *Hairun binti Mohd Sharif lawan Omar Mohd Noor* dijelaskan dengan kitab *Tafsīr al-Qurtubī* di dalam tafsirnya.

---

<sup>23</sup> Mal Bil: 10003-055-14/2002

Jadual 4: Rujukan terhadap Kes Terdahulu dalam Penggunaan Ayat.

Sumber	Petikan	Perkara
<i>Kes Hairun bt Mohd Sharif lawan Omar Mohd Noor, Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Haji Mohd Azmi</i>	<p>Bahawa di dalam ajaran Islam suami diberi hak memukul isteri sekiranya terdapat tanda-tanda isteri dikhawatiri nusyuz seperti dalam surah al-Nisā' ayat 34;</p> <p style="text-align: center;">         الْرَّجُلُ قَوَّمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ          اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنفَقُوا مِنْ          أَمْوَالِهِمْ فَالصَّدِيقَاتُ حَفِظَتْ          لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّذِي تَحَافُونَ نُشُوزُهُنَّ          فَعَظُوْهُنَّ وَاهْجُرُوْهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ          وَأَصْرِبُوْهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا يَبْعُوْا عَلَيْهِنَّ          سَكِيْلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِ كَيْرًا       </p> <p style="text-align: center;">٣٤</p>	Kes Terdahulu
	<p>“..dan wanita-wanita yang kamu khuatiri nusyuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkan dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaati mu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”</p>	

Sumber	Petikan	Perkara
Dijelaskan dengan al-Qurtubi, di dalam tafsirnya, Juz. '5, muka surat 172.	Menyatakan pukul dalam ayat ini adalah pukul adab dan maksud daripadanya antara lain, seperti memukul bapa akan anaknya kerana belajar al-Quran. Al-Alūsy dalam <i>Rūh al-Ma'ānī</i> juzu' 5 muka surat 25 menyatakan pukul yang bukan menyakiti dengan sekira-kiranya tidak mencederakan dan tidak mematahkan tulang.	Kitab Tafsir
	Sementara al-Marāghi di dalam tafsirannya, juzu' 5 muka surat 29 pula berpendapat pukul ialah pukul yang tidak menyakiti yang bersangatan seperti pukul dengan tangan atau tongkat kecil.	

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Nor Faizah binti Abdul Samad dan Abu Bakar bin Abdul Ghaffar* (2004), dari fail JAKESS, Kes Mal Bil: 10003-O55-14/2002.

Rujukan yang dibuat hakim terhadap kes terdahulu sememangnya baik dan wajar jika ia mempunyai kekuatan hujah yang boleh dibuat sandaran untuk kes semasa. Namun tindakan hakim merujuk keseluruhan skema kes termasuk kitab tafsir yang digunakan dalam kes tersebut seolah-olah benar-benar membataskan pergerakan hakim berijtihad sehingga hampir-hampir kes terdahulu itu mengikat hakim dalam membuat penghakiman seperti dalam prinsip *common law*.

## 5. Penghakiman yang Menggunakan Kaedah Terjemah dalam Mentafsir Nas

Pendekatan menterjemah merupakan kaedah yang terlalu sempit dan terlalu mengikat. Sedangkan pendekatan mentafsir akan memberikan ruang yang luas kepada hakim berijtihad. Terdapat beberapa keputusan penghakiman yang menarik dilihat tentang penggunaan metod tafsir seperti perbahasan bahasa, penggunaan *tafsīr bil-ma'thūr* dan metod yang agak tersusun dan memberi kepuasan kepada semua seperti Dalam kes *Zainudin b. Abdul Aziz*

*lawan Norimah bt. Limat*<sup>24</sup> iaitu tuntutan pengesahan lafaz cerai talaq tiga sekaligus. Mahkamah telah mensabitkan talaq tiga. Mahkamah berbidangkusa mendengar dan memutuskan kes ini. Mahkamah mengemukakan alasan dari al-Quran sebagaimana ayat dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Ayat yang Digunakan dengan Pendekatan Terjemah.

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Baqarah ayat 229 dan 230	<p style="text-align: center;">         الْطَّلَقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِيعٍ          يِإِحْسَنٌ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا          أَتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ          فَإِنْ خَفْتُمُ أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا          أَفْنَدْتُ بِهِ تِلْكَ حُدُودَ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَنْعَدَ          حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ         <span style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 2px;">٢٢٩</span> </p>	Ayat Khulu'

“..Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang *ma'ruf* atau menceraikan dengan cara yang baik. Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khawatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Jika kamu khawatir bahwa keduanya (suami isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggar hukum-hukum Allah, mereka itulah orang-orang yang zalim (229)”

<sup>24</sup> Kes Mal 10005-054-1474-2007

Sumber	Petikan	Perkara
	<p>فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّىٰ تَنكِحَ رَوْجًا غَيْرَهُ، فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجِعَا إِنْ ظَانَا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتَلَكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا  لِعَوْمَرٍ يَعْلَمُونَ</p>	
	<p>“..kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah Talak yang kedua), maka perempuan itu tidak lagi halal baginya hingga dia kawin dengan suami yang lain. Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk kahwin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkan-Nya kepada kaum yang (mahu) mengetahui (230)”</p>	
Al-Sunnah	<p>Kisah Ibn Umar yang mentalak isterinya semasa haid. Beliau berkata :</p> <p>“Ya Rasulullah, apakah kalau saya menceraikannya dengan talak tiga, adalah halal bagi saya merujuknya kembali?”</p>	<p>Hadis Tafsiran</p>
Al-Sunnah	<p>Maka Baginda bersabda maksudnya:</p> <p>“Tidak, ia telah menjadi bain darimu, dan kamu melakukan maksiat.”</p>	<p>Hadis Tafsiran</p>

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Zainudin b. Abdul Aziz lawan Norimah bt. Limat* (2008), dari fail JAKESS,  
Kes Mal: 10005-054-1474-2007.

Mahkamah membawa perbincangan terhadap perkataan *marratāni* bahawa talaq yang diharuskan ialah talaq yang berasingan satu talaq selepas satu. Allah SWT tidak berfirman “*tallaqatāni*” yang bermaksud dua talaq. Tidak disyariatkan keadaan menjatuhkan talaq kesemuanya sekaligus, maka apabila dihimpunkan ketiga-tiga talaq pada satu lafaz, tidak jatuh talaq kecuali satu sahaja. Suami yang menceraikan isteri dengan tiga talaq dengan satu lafaz adalah mentalaq isterinya dengan talak satu pada hukumnya, bukan talaq tiga.

Dalil ini dijawab oleh Jumhur, bahawa ayat al-Quran di atas memberi petunjuk mengenai talaq yang diharuskan. Ia tidak menunjukkan sama ada jatuh talaq atau tidak jatuh talaq apabila ia dijatuhkan tanpa berasingan. Oleh itu, rujukan telah dibuat kepada al-Sunnah yang menyatakan bahawa talaq tiga sekaligus adalah jatuh ketiga-tiganya. Ini dijelaskan dalam al-Sunnah sebagaimana kisah Ibn ‘Umār. Perbincangan perkataan dan terminologi konsep talaq adalah lebih kuat sekiranya ia mengambil pendekatan tafsir dan bukan semata-mata terjemah. Kesannya melahirkan perbezaan mazhab dan hukum yang berbeza.

## 6. Penggunaan Ayat dalam Masalah Fiqh dan Undang-undang

Ayat dan petikan kitab juga berperanan dalam menentukan tertib dan teknikal pendakwaan dan membuat keputusan penghakiman. Tertib ini adalah untuk mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan kepada orang yang didakwa. Dalam hal ini banyak kes yang membawa tertib ini berdasarkan enakmen yang telah termaktub bukan dari mana-mana nas samada al-Quran atau al-Hadis atau petikan kitab. Dalam kes *Che Jefri bin Osman lawan Rahayu binti Mohd Ishak*<sup>25</sup> iaitu permohonan pengesahan lafaz cerai di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah disebutkan pada penghakiman penentuan kesahan perceraian bahawa untuk menentukan sah atau tidak sesuatu perceraian itu sebagaimana yang telah dilafazkan oleh Plaintiff terhadap Defendant. Ia telah merujuk beberapa petikan kitab fiqh dan ayat serta hadith sebagaimana jadual di bawah;

<sup>25</sup> Kes Mal Bil. : 10002-054-0049-2003

**Jadual 6: Petikan Kitab dan Ayat yang Tidak Mewakili Teknikal Undang-undang.**

Sumber	Petikan	Perkara
<i>Hasyiah I'ānat Tālibīn</i> Juz. 4, Dār al-Fikr, 1998), 3.	Menyatakan matan Fatḥ al-Muin yang bermaksud:  “..dan adapun rukun talaq itu ada lima iaitu suami, lafaz yang digunakan, diqasadkan talaq, kepada siapa talaq itu ditujukan ataupun isteri dan talaq dijatuahkan dengan kekuasaan suami..”	Rukun Talaq
<i>Kifāyatul Akhyār</i> , Juz. 2 Dār al-Khayr 1994), 388.	الطلاق ضربان، صريح وكناية  “..Talaq itu ada dua bahagian, iaitu yang nyata (soreh) dan yang sindiran (kinayāh)..”	Jenis Talaq
Surah al-Baqarah ayat 229	أَلَّا تَنْهِي مَرْأَتَنِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيجٌ بِإِحْسَنٍ  “..Talaq (yang boleh dirujuk) adalah dua kali. Maka kemudian dari itu hendaklah kamu pegang mereka dengan cara baik atau lepaskannya dengan cara yang baik.”	Jumlah Talaq

Sumber	Petikan	Perkara
Surah al-Ahzab ayat 28	<p style="text-align: center;">           يَأَيُّهَا أَنْتِي قُلْ لَا زَوْجَكَ إِنْ كُنْتَ شَرِدَنَ          الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزَيَّنَهَا فَنَعَالِيَنَ أَمْ تَعْكُنَ          وَأَسْرِحُكَنَ سَرَاحًا جَمِيلًا       </p> <p style="text-align: center;">٢٨</p> <p>“..Wahai nabi (Muhammad SAW) katakanlah kepada isteri-isteri mu, jika kamu sekalian mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepadamu mut’ah dan aku lepaskan (cerai) kamu dengan cara yang baik.”</p>	Mut’ah

Sumber: Alasan penghakiman dalam kes *Che Jefri bin Osman lawan Rahayu binti Mohd Ishak* (2005), dari fail JAKESS,  
Kes Mal Bil. : 10002-054-0049-2003.

Untuk tujuan ini, mahkamah merujuk kepada kitab *Hāsyiah I’ānat Tālibin* juzuk 4. Dalam kes ini, Plaintiff telah memenuhi rukun pertama iaitu suami yang sah, Islam yang mukallaf dan aqil baligh. Mahkamah juga merujuk kitab *Kifāyah al-Akhyār* dalam membicarakan rukun talaq yang kedua iaitu *al-ṣighah* atau lafaz yang digunakan. Cuma sedikit kelemahan dalam penghakiman ini kerana ayat al-Quran diletakkan selepas perbahasan kitab fiqh. Lafaz cerai dengan perkataan talaq adalah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 229. Manakala lafaz cerai dengan perkataan *ṣarāḥah* (lepas) pula sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzāb ayat 28.

Isu yang dibincangkan yang berkaitan dengan sah dan tak sahnya talaq dibawa dalam bentuk penghujahan nas. Sekalipun susunannya tidak mengikut keutamaan iaitu ayat al-Quran perlu mendahului yang lain, namun persoalan dalam masalah ini ialah perbincangan ayat tersebut. Perkara-perkara yang berkaitan bidangkuasa, domisil, peruntukan undang-undang yang digunakan dalam perbicaraan sebenarnya memerlukan sokongan syarak supaya ia kelihatan syarie. Memang tidak terdapat nas yang memperincikan tentang perkara tersebut tetapi paling tidak ia menggambarkan tentang hak dan keahlian hakim dalam membuat keputusan dipandu garis panduan syarak. Sebagaimana ada perbincangan keahlian Plaintiff untuk dibicarakan seperti Islam, baligh dan sebagainya, juga perlu ada perbincangan hakim tentang keahlian dan bidangkuasanya secara nas. Kedua-dua petikan kitab di atas sebenarnya boleh mewakili tafsiran ayat surah al-Baqarah ayat 229 dan surah al-Ahzāb ayat 28,

namun peranan petikan itu sebagai pentafsir ayat tidak wujud sekiranya ia dijadikan rujukan pertama dan diikuti dengan ayat al-Quran. Harus difahami bahawa prinsip fiqh lahir dari kefahaman ayat.

## RUMUSAN

Secara kesimpulannya, dalam sistem kehakiman Islam, alasan penghakiman adalah suatu yang telah lama wujud dalam Islam. Andaian yang mengatakan ia tidak wujud tidak boleh diterima sebaliknya ia merupakan sebahagian dari proses prosiding yang telah lama diamalkan dalam sistem kehakiman Islam. Statut, fiqh dan nas al-Quran dan al-Sunnah merupakan komponen terpenting dalam alasan penghakiman. Kedudukan dan peranan bagi ketiga-tiga elemen utama perundangan ini perlu dijelaskan agar ia tidak menimbulkan pertikaian kuasa dan kesahan sesuatu keputusan penghakiman. Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dibentangkan, maka beberapa teori dapat dibentuk sebagai rumusan keseluruhan perbincangan, iaitu:

1. Statut adalah sebagai rujukan untuk tujuan menentukan topik perbincangan dan pendakwaan sahaja. Strukturnya yang umum dan terikat dengan tafsiran hakim serta mewakili perkara praktikal (amali) tidak boleh dijadikan kata muktamad dalam keputusan.
2. Fiqh merupakan pelengkap kepada kelemahan statut, apa yang tiada dalam statut boleh dirujuk pada fiqh. Sesuai dengan posisinya yang sama dengan statut iaitu bersifat praktikal (amali). Perbezaannya dengan statut ialah fiqh mewakili perbahasan *furiū'* yang paling terperinci berbanding statut yang terlalu umum dan fiqh sentiasa berkembang mengikut perkembangan semasa sedangkan statut sebaliknya.
3. Nas al-Quran dan al-Sunnah sebagai kata terakhir yang muktamad, hujah dan rujukan kepada apa yang diputuskan kedua-duanya (statut dan fiqh). Ia umum seperti statut tetapi mempunyai kuasa *Qaṭ'ī* dan bukan semua kandungannya bersifat amali. Jika berlaku percanggahan antara statut dan fiqh maka pemutusnya ialah al-Quran dan al-Sunnah.

## RUJUKAN

Ab. Rahim bin Ibrahim, *Ketidakterusan Perintah dan Larangan dalam Al-Quran; Kajian Terhadap Ayat-ayat Hukum Surah al-Baqarah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1999).

\*Abdul Karim Zaidan, *Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian dalam Sistem Kehakiman Islam*, terj. Mohd Saleh Hj. Ahmad (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1993).

- ‘Abdul Karim Zaidan, *Sistem Kehakiman Islam* (Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, 1994).
- Abū Bakar ‘Uthmān bin Muḥammad Syatho al-Dimyatī al-Shāfi’ī, *Hāsyiah I’ānat Ṭālibīn* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1998).
- Abū Ja’afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabārī, *Jāmi’ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān* (Beirūt: Dār al-Ma’rifat, 1989).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: IKIM, 1997).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *al-Ahkam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).
- Amin al-Jarumi, *Prinsip-Prinsip Prosiding Mahkamah dalam Syariat Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam, 2006).
- Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah, *Pengantar Usul Tafsir* (Kuala Lumpur: Intel Multimedia & Publication, 2003).
- Ghazali Hj. Abd. Wahab, Jafril Khalil, Mohd Nasran Mohamad, *Isu Syariah dan Undang-undang* (Bangi: UKM, 1996).
- Glanville Williams, *Mempelajari Undang-undang* (cet. 1) terj. Johan Shamsuddin Sabarudin, Talat Mahmod (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1990).
- Al-Kiyā Harrāsi, Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī Ibn Muḥammad bin ‘Alī al-Ṭabārī, *Aḥkām al-Qur’ān* vol. 1-2 (cet. ke-2) (Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1985).
- Muḥammad Abū Zaharat, *al-Aḥwāl al-Syakhṣiyat* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.).
- Muḥammad ‘Alī al-Sābuniy, *Rawa’i’ al Bayān Tafsīr Ayāt al-Aḥkām min al-Qur’ān* (Qāhirah: Dār al-Bayān al-‘Arabī, 1986).
- Muḥammad ‘Alī Sayis, *Tafsīr Ayāt al-Aḥkām* (Qāhirah: Universiti al-Azhar, t.t.).
- Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-San‘ānī, *Subul al-Salām* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1996).
- O.K. Rakmat, *Keadilan di dalam Sistem Mahkamah Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1994).
- Al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān* (Cairo: Dār al-Hadīth, 2002).
- Ruzman Md. Noor, *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008).
- Sayyid Sābiq, *Fiqh Sunnah* (al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.)

Syed Agil Barakbah, *Hakim dan Penghakiman: AL-AHKAM* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Syeikh Ghazali Abdul Rahman, *Kuasa Kehakiman Islam: Malaysia sebagai sebuah Negara Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2005).

Syeikh Imad Zaki al-Barudi, *Tafsir Wanita dalam al-Quran*, terj. Jamaluddin Ibrahim Mydin (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2007).

Taj al-Dīn Abū Bakr Muḥammad, *Kifāyah al-Akhyār* (Beirūt: Dār al-Khayr, 1994).

Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989).

Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail ‘Ke Arah Memperkasakan Institusi Kehakiman Islam di Malaysia,’ Diskusi Syariah dan Undang-undang Siri 2 (Kuala Lumpur, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2005).

Yusuf Qaradawi, *al-Quran dan al-Sunnah Referensi Tertinggi*, Anuar Rafiq Shaleh Tamhid Lc. (ed.), terj. Bahrudin Faunani (Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd., 2001).

## Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 (pindaan 1988).

## Kes

Anipah binti Bohari lawan Zuhairin bin Maknon (2007), kes saman no. 10011-054-0150-2007 (Kes tidak dilaporkan).

Anisah binti Ramli @ Ali Sulaiman bin Ali (2006), kes saman no. 10002-054-0835-2006 (Kes tidak dilaporkan).

Arfah binti Yusof dan Mohd Bakiri bin Abu Bakar (2006), kes saman no. 10005-054-0143-2006 (Kes tidak dilaporkan).

Azida Fazlina binti Abdul Latif lawan Shamsudin bin Latif (2003), kes mal bil. 10007.054.050.2003 (Kes tidak dilaporkan).

Badry Shah bin Ahmad lawan Jullia binti Abu Hassan (2010), kes saman no. 10004-054-0253-2010 (Kes tidak dilaporkan).

Che Jefri bin Osman lawan Rahayu binti Mohd Ishak (2005), kes mal bil. 10002-054-0049-2003 (Kes tidak dilaporkan).

Hanita binti Ismail lawan Aidi Roslan bin Khalim (2006), kes mal bil. 10002-057-30 Tahun (2001) (Kes tidak dilaporkan).

- Haslinda binti Mohd Som dan Mohd. Razak bin Saad (2004), kes mal bil. 234 Tahun 1999 (Kes tidak dilaporkan).
- Hasnah binti Mohd. Ali lawan Bukhari bin Kahar (1996) [2007] 4 ShLR 141-147.
- Jailani bin Mohd Hamim dan Mazlia binti Abdul Holit (2007), kes saman no. 10003-056-0074-2007 (Kes tidak dilaporkan).
- Khanisah bt. Mohammad Ridzuan dan Suhaimi b. Jaafar (2004) [2007] 3 ShLR 98-111.
- Lasni Erma binti Sabarruddin dan Abdul Hakim Choo bin Abdullah (2007), kes saman no. 10003-056-0643-2007 (Kes tidak dilaporkan).
- Maznah bt Kassim lawan Othman bin Nordin (2003) [2007] 3 ShLR 112-119.
- Mohd Faizal bin Husin Daroyah lawan Leny Maslinda binti Kamarul Izham (2006), kes saman no. 10004-054-297-2005 (Kes tidak dilaporkan).
- Noorjahan binti Zainal Abidin lawan Ghulam Nabi Kausar bin Abdul Aziz Din (1999) [2007] 3 ShLR 74-80.
- Nor Faizah binti Abdul Samad dan Abu Bakar bin Abdul Ghaffar (2004), kes mal bil: 10003-O55-14/2002 (Kes tidak dilaporkan).
- Nor Wasitah bt. Hj. Panot dan Mohd. Azri b. Bunawi (2004) [2008] 3 ShLR 148-171.
- Sakinah Aropre lawan Noor Muhammad bin Haji Jamal (1994) [2007] 3 ShLR 138-140.
- Samsidar bt. Samsudin lawan Ramlan b. Husain (2003) [2007] 3 ShLR 120-127.
- Sharifah Hasibah binti Syed Jaapar lawan Kamaruddin bin Naam, kes rayuan bil. 09/96 (Kes tidak dilaporkan).
- Shuhaimah bt Abd Shukur lawan Mohd Zainal Farid b. Hj Zainuddin (2001), kes rayuan mal bil. 1230-21 Tahun (1999) (Kes tidak dilaporkan).
- Suhaila bt Suliman@Sulaiman lawan Mohamed Redzuan bin Adam Shah (2010), kes saman no. 10005-054-0434-2010/10005-054-0435-2010 (Kes tidak dilaporkan).
- Suriah bt. Hassan dan Hamzah b. Mohd Nor (2004) [2007] 3 ShLR 81-97.
- Suzana binti Zainudin lawan Rosman bin Salim (2003), kes mal bil. 100012-O54-212/2002 (Kes tidak dilaporkan).
- Tunku Ainah bt. Tunku Maamor lawan Mohd Adli bin Yahya (1992) [2007] 4 ShLR 125-140.

Wan Mohd Fariz bin Mohd Ali lawan Noryanie binti Hanifah (2005) [2008] 4  
ShLR 172-179.

Yusman bin Ramli lawan Jun binti Mohd Latip (2008), kes mal bil. 10005-  
054-1616-2008 (Kes tidak dilaporkan).

Zainudin b. Abdul Aziz lawan Norimah bt. Limat (2008), kes mal bil. 10005-  
054-1474-2007 (Kes tidak dilaporkan).

Zulkifli bin Basharuddin lawan Azrin binti Idris (2006), kes saman no. 10005-  
055-0721-2006 (Kes tidak dilaporkan).